

Headline	Tukang viral duit lesap mohon maaf		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Apr 2016	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	17	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	79 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,816
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,448



Tukang ‘viral’ duit lesap mohon maaf

Kuala Lumpur: Individu memaklumkan kes viral yang terabit dalam isu pendebitan keluar wang dari akaun simpanan Lembaga Tabung Haji (TH) bagi membayar pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang disebarluaskan dalam media sosial tampil memohon maaf kepada institusi berkenaan, semalam.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan melalui Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat TH, lelaki itu membuat permohonan maaf kepada pihak TH melalui surat selain memberi penjelasan isu berkenaan di akaun Facebook miliknya.

Memetik kandungan surat berkenaan, lelaki itu

itu adalah perbualan dirinya dan anak menantu dalam aplikasi Whatsapp yang berlaku kelmarin sebelum diviralkan dengan pelbagai spekulasi tambahan yang memburukkan nama TH oleh pihak tidak bertanggungjawab.

“Saya minta maaf kerana salah faham membabitkan Tabung Haji dan PTPTN...Tabung Haji tidak melakukan apa-apa kesalahan...semuanya hanya salah faham...segalanya sudah selesai...mohon tidak viralkan masalah ini,” katanya melalui akaun Facebook.

Sementara itu, TH dalam kenyataan itu turut menafikan pembabitannya dalam isu dan menjelaskan berunsur fitnah.

Headline	Dongeng duit RM30,000		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	17	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	Yusmizal Dolah Aling	AdValue	RM 7,958
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,873



Dongeng duit RM30,000

■ PTPTN tiada akses ambil wang Tabung Haji peminjam

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

"Saya ingin tegaskan bahawa PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) tidak mengambil duit RM30,000 daripada akaun Tabung Haji peminjam seperti yang tersebar di laman sosial sejak kelmarin.

"Kita tidak mempunyai kuasa untuk membuat tindakan seperti mengambil duit simpanan peminjam mahu pun mengakses akaun Tabung Haji.

"Ini adalah usaha pihak tertentu untuk menjatuhkan imej PTPTN sebagai institusi

pembiasaan dan saya harap orang ramai menghentikan penyebarannya kerana tidak benar," kata Pengurus PTPTN Datuk Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata, seperti mana umum sedia maklum, semua transaksi pengeluaran mahu pun pindahan wang yang dibuat manapun akan Tabung Haji adalah atas arahan dan kebenaran pemegang akaun sendiri.

Menurutnya, bayaran balik secara terus melalui simpanan dalam Tabung Haji bukanlah saluran bayaran balik disediakan

PTPTN, sebaliknya menerusi kaunter PTPTN di seluruh negara, kaunter ejen seperti Bank Islam, CIMB, Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Rakyat, Pos Malaysia, potongan gaji atau pengeluaran akaun kedua Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (KWSP).

Justeru katanya, orang awam dan netizen diminta berhati-hati dan tidak terpedaya dengan khabar angin yang disebarluaskan dan pihaknya menarikkan individu terbabit membuat laporan polis atas kehilangan duit simpanan di dalam akaun Tabung Haji

miliknya.

Sidang media itu diadakan berikutan penyebaran mesej menerusi aplikasi WhatsApp seorang mahasiswa mendakwa kehilangan RM30,000 di dalam akaun Tabung Haji yang dipotong PTPTN.

Turut dimuatkan di dalam mesej itu bagaimana pengadu membuat semakan ke mediannya mendapat duit itu dipotong PTPTN sebagai bayaran kepada pinjaman pengajian.

"Kita juga gagal menghubungi peminjam kerana ada banyak nombor telefon. Jadi kita minta mereka tampil buat laporan dan PTPTN juga akan membuat laporan polis berhubung perkara ini," katanya.

Headline	Dongeng duit RM30,000		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	17	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	Yusmizal Dolah Aling	AdValue	RM 7,958
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,873

